

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI**  
**[ BUKIT BENDERA ]**  
**TARIKH : 8 JUN 2015**  
**SOALAN :**

**YB Tuan Zairil Khir Johari [ Bukit Bendera ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk menggubal undang-undang bagi mengawal dan menyelaraskan pusat-pusat penjagaan wanita selepas bersalin (confinement centre).**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pusat penjagaan wanita selepas bersalin swasta (private confinement centre) bukan secara langsung di bawah kawalselia Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tetapi ia tertakluk dalam Akta 506 Akta Pusat Jagaan 1993 Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Lembaga Bidan Malaysia, Bahagian Amalan Perubatan, *Traditional Complimentary Medicine* (TCM), Bahagian Perkhidmatan Kesihatan Keluarga (BPKK), Penasihat Undang-undang dan JKM sedang dalam proses menyediakan kertas konsep (concept paper) untuk di panjangkan kepada kepada pihak Pengurusan Tertinggi JKM.